



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN KU FRIDAH BINTI KU SHAFIE
PELAKON MALAYSIA**

OLEH:

NURAIN SOLEHAH BINTI ZAINUDDIN	2009130719
NURASYURA JASMINE BINTI MOHD NASIR	2009125865

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2021 – FEB 2022)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN KU FRIDAH BINTI KU SHAFIE
PELAKON

OLEH:

NURAIN SOLEHAH BINTI ZAINUDDIN	2009130719
NURASYURA JASMINE BINTI MOHD NASIR	2009125865

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2021 – FEB 2022)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah kami menyiapkan kajian ni dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nor Kamariah Binti Chik, selaku pensyarah kami di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan kajian ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar kami untuk menjadi seorang penyelidik yang baik.

Ribuan terima kasih juga kepada Puan Ku Fridah Binti Ku Syafie atas kesudian menjadi tokoh temubual untuk berkongsikan pengalaman dan kisah perjalanan kerjaya yang menjadi nadi utama kajian ini. Sesungguhnya segala pengorbanan masa yang telah diberikan amat kami sanjungi dan akan kami ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstract: *Transkrip ini mengisahkan tentang temubual yang berlangsung di antara dua orang pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan bersama tokoh seniman veteran Malaysia iaitu Puan Ku Fridah. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengalaman seniman veteran dalam kerjaya lakonan dan mengenal pasti kredibiliti seseorang penggiat seni hiburan. Kajian ini memberi penekanan terhadap kerjaya seni yang agak terkenal di Malaysia iaitu seni hiburan bidang lakonan. Tokoh yang dipilih untuk temubual ini adalah seseorang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ini. Beliau merupakan seorang artis yang amat memberi inspirasi kepada masyarakat terutama kepada artis-artis baru asbab dari usaha dan kejayaan beliau. Kaedah sejarah lisan secara atas talian digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada tokoh tersebut. Perkongsian dari tokoh tersebut adalah berdasarkan soalan-soalan yang diajukan oleh penemubual iaitu berkaitan latar belakang, pengalaman dan pendapat. Oleh kerana itu, kajian ini memberi pendedahan yang besar kepada masyarakat umum berkaitan kebolehpercayaan terhadap penggiat seni hiburan dan juga agensi dan organisasi lain akan lebih memahami dengan cara menilai seorang seniman untuk tujuan kolaborasi.*

Kata kunci: *Ku Fridah, Seni hiburan, Kredibiliti Artis, Seniman veteran, Inspirasi*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	4
ABSTRAK.....	6
ISI KANDUNGAN	8
BIODATA TOKOH	9
Pengenalan	11
Transkrip	14
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH	14
BAHAGIAN 2: KERJAYA.....	18
BAHAGIAN 3: CABARAN	27
BAHAGIAN 4: KREDIBILITI SEBAGAI SEORANG PENGGIAT SENI.....	31
BAHAGIAN 5: PENDAPAT / PANDANGAN / NASIHAT	38
RUJUKAN.....	45
LAMPIRAN	47
LOG WAWANCARA.....	48
DIARI KAJIAN.....	52
SENARAI SOALAN.....	57
SURAT PERJANJIAN.....	62
GAMBAR.....	63
INDEKS.....	65

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama Penuh	: Ku Fridah Binti Ku Shafie
Nama Samaran	: Mak Engku
Profesion	: Lakonan
Bidang	: Seni Hiburan
Umur	: 70 tahun (2022)
Tarikh lahir	: 26 Julai 1952
Tempat Lahir	: Serdang, Kedah
Tempat tinggal	: Rawang, Kuala Lumpur
Status	: Ibu tunggal
Nama Ibu	: Hajah Siti Mariam Binti Mohamad
Nama Bapa	: Ku Syafie Ku Isyhak
Tahun bermula dalam bidang lakonan	: Tahun 80-an (Mula aktif pada 1992)

PENGENALAN

PENGENALAN

Kerjaya seni adalah kerjaya yang tidak asing lagi dalam kalangan rakyat Malaysia kerana bakat yang diperlukan dalam kerjaya ini mampu mengekalkan warisan Malaysia. Kerjaya ini termasuklah juga penghasilan lukisan, alatan tradisional, syair, nyanyian dan lakonan. Gelaran seniman diberikan bagi mereka yang mempunyai bakat seni, mampu menghasilkan karya seni dan memperagakan karya tersebut. Namun begitu, tahun demi tahun dalam mendalami kerjaya ini pasti pelbagai cabaran harus ditempuh untuk meneguhkan hasil karya dan memastikan kredibiliti diri sebagai penggiat seni tanah air. Kisah sebenar seorang penggiat seni itu sendiri mampu menjadi sumber utama dalam merungkai persoalan dan mencapai objektif kajian ini. Bertemakan ‘Seni Warisan dan Seniman Veteran’, kajian ini akan mendalami kisah seorang seniman veteran Malaysia berkaitan kerjaya dalam bidang lakonan. Dalam kajian ini, persoalan yang dikemukakan adalah berkaitan pengalaman seniman veteran dalam kerjaya lakonan dan kredibiliti penggiat seni hiburan.

Judteru, kisah sebenar seorang penggiat seni itu sendiri mampu menjadi sumber utama dalam merungkai persoalan dan mencapai objektif kajian ini. Tajuk diberi ialah ‘Kerjaya Lakonan Seniman Veteran Malaysia’ yang akan mendalami kisah kehidupan seorang seniman veteran Malaysia mengenai kerjaya dalam bidang seni hiburan. Bagi merialisasikan objektif kajian ini, seorang seniman veteran dalam bidang lakonan iaitu Puan Ku Fridah Ku Shafie atau lebih mesra dikenali sebagai Mak Engku dipilih sebagai tokoh utama dalam kajian ini. Dengan pengalaman melebihi 40 tahun, perkongsian yang diberi amatlah memenuhi kehendak kajian dan persoalan kajian ini. Dengan maklumat mengenai diri beliau yang diperoleh, transkrip ini berjaya dihasilkan dengan jayanya dengan penuh teliti.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang kisah sebenar seorang penggiat seni tanah air dalam bidang lakonan iaitu Puan Ku Fridah yang telah berada lama dalam industri. Puan Ku Fridah atau mesra digelar Mak Engku berkongsi sedikit sebanyak berkaitan dirinya, pengalaman seterusnya mengupas isu kredibiliti dan cabaran seorang pelakon negara. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PKF: Puan Ku Fridah

NS: Nurain Solehah

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NS : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman kerjaya seorang tokoh dalam bidang seni hiburan tanah air.

Bersama-sama kami ialah Puan Ku Fridah Binti Ku Shafie yang merupakan seorang penggiat Seni Lakonan di Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 16 Disember 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2.30 petang bertempat di platform atas talian *Google Meet*. Temubual ini dikendalikan oleh Nurain Solehah Binti Zainuddin dan juga Nurasyura Jasmine binti Mohd Nasir. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

Baiklah puan soalan saya, seperti yang sedia maklum temubual ini berkaitan dengan latar belakang puan, dan berkaitan kerjaya puan. Jadi kita mulakan dulu dengan latar belakang puan. Boleh puan beritahu sedikit latar belakang puan dari segi nama, usia, asal mana, tarikh lahir, suami, anak-anak, puan boleh ceritakan semua tu. Silakan puan.

PKF *Okay...*

NS **Mak Engku**

PKF : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. *Okay*, Mak Engku dibesarkan di Singapura tapi lahir di Serdang, Kedah. Ayah saya berasal dari Kedah. Arwah ibu saya asal dari Singapura. Kami ini--. Saya dibesarkan oleh ibu saya, ibu tunggal. Ayah saya meninggal masa saya kecil lagi. Baru satu tahun. Jadi kami dibesarkan di Singapura dan saya juga bersekolah di Singapura juga tapi saya bukan warganegara Singapura. Jadi saya ada tiga orang adik beradik. Saya yang bongsu dari adik beradik saya. Kini menetap di Kuala Lumpur di Rawang bersama anak lelaki saya, anak tunggal lelaki saya, anak perempuan [Siti Rohaya Mohd Yusoh] saya. Mak Engku ini dulu berumah tangga dengan arwah suami di Perak, jadi saya banyak duduk di Perak sebelum itu dan saya bermula dalam industri ini ketika tahun '80-an [1980] (mengimbas kembali) tapi tak banyak sikit-sikit sahaja. Kemudian itu yang bermula yang betul-betul punya tahun 1992 tapi sikit-sikit kan. Saya juga buat *makeup* semua kan. Itulah dia kalau nak tanya latar belakang saya la kan. Saya seorang nenek. Mempunyai lima orang anak. Satu meninggal. *So*, tinggal empat. Tiga perempuan satu lelaki. Cucu tujuh orang dan cicit dua orang,

Alhamdulillah (senyum). *So*, nak tahu usia Mak Engku ya? Usia Mak Engku sekarang hampir-- sekarang saya enam puluh lapan masuk enam puluh sembilan lah. Dah nak masuk *seven series*[siri ke tujuh] dah ni (ketawa). Lagi lanjut lagi.

NS : **Baiklah, ada beberapa lagi yang kami kalau boleh nak tahu. Contohnya macam, boleh ke kami tahu nama ibu bapa Mak Engku and [dan]...**

PKF : Boleh. (serentak)

NS : **...nama suami,...**

PKF : *Okay*(baiklah) (serentak)

NS : **...,usia...**

PKF : Boleh (serentak)

NS : **...dan adakah anak Mak terlibat juga dalam bidang ini.**

PKF : Ada, cucu juga.

NS : ***Okay*, silakan?**

PKF : Almarhum ibu saya orang Arab, keturunan Arab, Hajah Siti Mariam Binti Mohamad dan ayah saya berketurunan Ku daripada Kedah. Asal dari Kedah Ku Syafie Ku Isyhak. Kami kahwin campur [ibu dan bapa Mak Ku]. Keluarga saya campur-campur lah kahwin campur lah. Keturunan saya ni kan. Kemudian apa nama tadi tanya--. Apa dia cakap dah lupa dah.

NS : **Usia suami dan anak-anak-- (serentak)**

PKF : Arwah suami-- saya ibu tunggal sebelum itu dan baru ini arwah suami saya juga

baru meninggal. Dia tua lebih sembilan tahun dari Mak Engku. *So, calculate* [kira] sendiri lah (ketawa). Anak saya juga pernah berlakon, anak yang nombor lima, Siti Rohayu. Tapi tak banyak. Dia dalam bidang itu ada dalam lima, enam drama lah dulu dia berlakon. Kemudian cucu, turun kepada cucu saya Luvvna Wilma [Putri Luvvna Wilma Mohd Azam] yang pernah dicalonkan dalam kategori Pelakon Kanak-Kanak Terbaik, 'Cahaya Malaika' [Cerekarama TV3] terbitan Enuja Production [syarikat perfileman tempatan yang terletak di Seremban, Negeri Sembilan]. Dua kali, Anugerah Skrin. Dia masuk *top five*, Anugerah Skrin dan Anugerah Sri Angkasa. Dan dia sekarang sering juga berlakon jadi cucu Mak Engku dalam drama-drama kami (kagum). Nama dia Luvvna Wilma sekarang dia sekolah asrama, sekolah seni. Sekolah seni di Jalan Pudu [Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur]. Di antara drama-drama dia yang semuanya memang banyak yang top-top juga drama dia. Tapi belum ada rezeki untuk pegang award [anugerah]. Dia cuma dapat *top five* [lima terbaik]. Dia ini kata dia senang Bintang Air Mata lah. Umur tiga belas tahun.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: KERJAYA

NS : *Okay*, baiklah. Kita pergi ke zaman muda Mak Engku sekejap. Masa kecil-kecil dahulu, Mak Engku bercita-cita memang nak jadi artis ke atau masa itu ada cita-cita lain dulu. Andai kata tak terlibat dalam bidang lakonan ini apakah pekerjaan masa itu? Dan maybe [mungkin] Mak Engku juga ada idola, moto dan visi hidup. Silakan?

PKF : *Okay*, Mak Engku tak pernah terfikir pun nak masuk bidang ini sebab saya bukan masuk daripada muda kan umur saya pun dah banyak kira lah yang saya betul-betul serius 92 [1992] kan. Jadi *time* [masa] tu 1997 kita ada kegawatan ekonomi, ingat tak kita ada gawat kan tahun 97 [1997]. Kita *stop* [berhenti] satu tahun kemudian kita apa ni mula balik di hujung tahun 98 [1998]. Drama pun kurang masa itu. Selepas pada itu saya banyak dapat *offer* [tawaran] filem. Antara filem saya yang memenangi-- maksud saya filem itu yang *box office* [*Box office* ialah sumber maklumat utama dunia tentang industri pawagam global dan telah menyediakan berita dan nombor eksklusif kepada industri filem] kan macam 'KL Gangster 1', 'KL Gangster 2' dan 'Munafik 2'. Itu memang boom[terkenal] la masa tu kan. Jadi yang kiranya usia yang macam ini alhamdulillah banyak dapat tawaran. Sekarang pun tengah on-air [sedang disiarkan di televisyen] drama-drama saya kan di Astro [All-Asian Satellite Television and Radio Operator, penyedia televisyen satelit dan IPTV Malaysia] dan TV3 [Tivi Tiga, Saluran televisyen percuma Malaysia yang dimiliki oleh konglomerat Media Prima]. Jadi saya ni tak pernah terfikir nak jadi seorang pelakon sebab saya dulu buat bisnes buat kek.

Saya memang guru hebat di dapur. Tapi zaman dulu lah, bukan macam zaman sekarang boleh viral-viral. Zaman dulu tak ada viral. Jadi saya ini suri rumah, sepenuh masa melayan suami dan anak-anak dan saya buat *part time* [kerja sambilan] buat kek, *cookies* [biskut] lebih-lebih lagi kalau musim perayaan hari raya apa semua. Itu saya punya minat dan saya suka memasak. Cuma sekarang ini dah tua saya malas lah. Anak-anak *take over* [ambil alih] lah tempat kita [Mak Ku]. Jadi tak pernah terfikir. Tapi dulu arwah suami ada kenal seorang pengarah [Arief Shah]. Memang dia pernah *offer* [tawar] saya lah untuk berlakon. Dah arwah dah pon. Arwah Arief Shah. Dia pernah *offer* [tawar] saya minta izin dengan suami saya. Dia kata “Cuba lah kalau *you* minat”. Dari situ saya bermula, saya berkenalan dengan Arief Shah-- arwah kemudian saya berlakon. Masa itu ramai juga artis-artis yang terlibat dengan saya, Razali Buyong, Lokman Ghani. Masa itu tahun lapan puluh berapa saya tak ingat. Lepas tu saya *stop* [berhenti]. Saya tak berhijrah ke Kuala Lumpur sampai lah 92 [1992]. Itu lah dia sedikit sebanyak kisah saya kan. Kemudian turun kepada cucu. Dulu menantu saya ini dia buat *part time* [kerja sambilan] jadi PA [*personal assistant*] saya. Jadi bawa anak yang perempuan yang masih kecil lima tahun. Ikut ikut apa itu—ada diantaranya arwah Idris Md Diah *offer* cucu saya untuk berlakon satu drama dia. Dari situ la dia naik, naik, naik, naik.

NS : Kita berbalik ke latar belakang pendidikan tadi. Tadi Mak Engku ada kata sekolah menengah di Singapura begitu juga sekolah rendah ke?? Sekolah menengah...

PKF : Ya, memang saya sekolah di sana sahaja. Saya tak pernah sekolah dekat Kedah.
Dulu-- Dulu boleh. Macam mana?

NS : **Ada sambung lagi ke...**

PKF : Dulu boleh sekolah di Singapura. Tahun dah tak ingat dah Mak Engku ini

NS : **Okay, tidak mengapa.**

PKF : Saya bersekolah di Bukit Panjang

NS : **Masa belajar dulu ada tak macam terlibat dengan-- sikit-sikit ke belajar pasal lakonan, drama dekat sekolah ke?**

PKF : Tak ada. Tapi saya suka menari. More to dansa [lebih kepada menari] Ada persembahan sekolah semua. Saya tak pernah berlakon pon, langsung tak pernah tapi, saya suka menari.

NS : **Mesti ada menang *competition* [pertandingan] apa-apa ke?**

PKF : Dulu untuk sekolah-sekolah ada lah. *Group* [kumpulan] lah kan. Di antaranya saya pernah jadi penari-penari untuk *backup dancers* [penari latar] di Singapura ketika zaman Pop Yeh Yeh [tahun 1965-1971]

NS : **Wah! Hebat. Okay faham. Baiklah. Tadi Mak Engku kata arwah suami lah kan yang *suggest* kan [cadangkan] Mak Engku kepada pengarah. Ada ujibakat ke masa itu?**

PKF : Tak ada (serentak). Tak tak. Memang tak ada uji bakat. Pastu dia [Arief Shah] minta tolong sebabnya dia kata nak cari--. Kalau dulu kita tak panggil talent

[bakat] dan saya tak pernah jadi *extra* [tambahan] pun. Terus diberi saya watak lebih kurang banyak juga. Saya berlakon jadi isteri kepada Razali Buyong. *Time* [waktu] itu kita *shooting* untuk drama Astro ke apa saya tak ingat (mengimbas kembali), '*Generasi Yang Hilang*' tajuk dia. Saya terus diberi watak yang agak penting juga. Memang tak ada *casting*. Mungkin agaknya bakat ini Allah beri dekat saya.

NS : Jadi masa itu puan terus masuk ke dalam bidang lakonan itu. Apa persiapan puan? Sebab macam mengejut sangat tak tiba-tiba masuk dalam bidang itu. Mesti orang sekeliling ada yang terkejut. Macam mana reaksi orang lain? Perasaan puan sendiri masa itu. Mula-mula dan tiba-tiba masuk dalam bidang lakonan.

PKF : (ketawa). Tak ada juga. Waktu itu saya *okay* sahaja bila saya diberi peranan watak itu. Kita tak pernah ada *audition* [ujibakat] apa apa kan. Alhamdulillah. Saya sering diberi watak ibu kepada pelakon-pelakon utama lah maksudnya *hero* [pelakon utama lelaki] atau *heroine* [pelakon utama wanita] kan masa muda dahulu lah. Waktu itu saya tak ada rasa gusar atau rasa apa. Asal kita berlakon jujur, yang penting kita baca skrip itu semua kan. *So far* [setakat ini], memang alhamdulillah lah kan. Cuma mungkin belum ada rezeki saya untuk naik ke pentas ambil anugerah. Tapi saya pernah menang *teater*– festival teater iaitu tahun 2005. Mak Engku dinobatkan sebagai 'Pelakon Pembantu Wanita Terbaik Teater' tahun 2005. Lepas itu, saya pun pernah dicalonkan dalam drama untuk *top five* juga lah tapi rezeki tak memihak hanya dapat *top five* sahaja untuk cerita 'Ramadan Berteduh

Syawal' terbitan Enuja [syarikat penerbitan] juga arahan Ellie Suriati [pengarah wanita Malaysia].

NS : **Okay, baiklah. Berapa lama puan berada dalam bidang ini. Sejak umur?**

PKF : 1992.

NS **Baiklah.**

PKF Itu yang dah serius la

NS : **Baiklah, dari Puan mula-mula masuk mesti ada *ups and downs* [turun naik] dia kan. Jadi macam mana Puan motivasikan diri untuk terus dalam bidang ini and macam mana juga Puan buat persiapan lain macam ada ambik (ambil) latihan yang lain ke seterusnya atau ada sesiapa yang mengajar puan berlatih untuk jadi pelakon.**

PKF : Tak ada. *So far* tak pernah ada lagi. Daripada mula saya jadi seorang artis, saya tidak pernah belajar mana-mana kelas. Hanya belajar dari diri sendiri, arahan direktur [pengarah]. Kadang-kadang direktur tunjuk ajar kita sedikit dan saya suka baca skrip lah senang cakap. Maaf saya cakap tapi artis-artis baru sekarang tak suka baca skrip. Jadi saya- penting sangat bagi saya skrip tu ibarat macam Quran *production*. Jadi saya apa pun saya minta skrip. Sampai kadang saya kata kalau tak ada dia punya skrip kadang-kadang saya sanggup “*Okay*, tidak mengapa, just bagi je saya copy saya boleh *print* sendiri”. Saya pernah buat macam itu. Jadi saya suka baca skrip. Ini baru habis baca dua puluh episod. Saya dah nak *role* [main peranan] esok. Hari ini enam belas kan? Lapan belas hari bulan saya dah start *shooting*

[tindakan penggambaran] untuk buat empat puluh episod. Mungkin sampai April tahun depan baru habis. Jadi saya baru habis baca episod dua puluh dan nak tunggu lagi dua puluh episod. Jadi saya suka banyak membaca skrip untuk kita faham dan kita *breakdown*. Untuk kita fahami kita perlu ada skrip, perlu baca skrip. Jangan kita abaikan skrip itu sangat penting. Itu pandangan saya lah, pendapat saya. Bila kita dah baca itulah persediaan kita. Kita dah tahu apa kita nak buat, siapa asal usul kita. *I mean* [maksud saya] dalam karakter tu, siapa anak kita siapa cucu kita. Dan saya paling perlu nak tahu siapa *casting* [pemegang watak lain] yang terlibat dengan saya. Maksud saya yang jadi anak, cucu saya. Itu saya selalu bertanya dengan *production manager* [pengurus penerbitan] siapa jadi anak saya, siapa jadi cucu saya. Bukan apa, untuk saya senang bekerja. Dan juga siapa pengarah, saya nak tahu itu kan. Itu biasa saya bertanya dengan mana-mana *production* [pihak penerbit] kan.

NS : Dalam banyak-banyak jenis drama, filem. Genre yang macam mana yang paling Mak Engku minat?

PKF : Banyak. Filem yang boom-boom [popular] lah. Sampai sekarang dia orang [masyarakat] buat *TikTok* viralkan cerita saya yang tahun berapa saya tak ingat yang bertajuk 'Teduhan Kasih' [2013]. Sampai sekarang dia orang buat *TikTok* viralkan benda itu _____. Teduhan Kasih itu adalah novel kan. Penerbit dia ialah Jalena Rejab arahan Jamal Khan [pengarah televisyen dan filem Malaysia]. Jadi _____

NS : Suara Mak Engku kurang jelas.

PKF : Kurang jelas? *Okay* tak?

NS : **Dah *okay* balik.**

PKF : Saya dengan arwah anak Azean Irdawati [Benjy] nama apa?

Dalam cerita itu watak dia Jibek kan. Saya lupa dah nama dia. Nak sebut tapi tak ingat. Yang baru meninggal sahaja kan. Ni saya buat cerita itu 'Kerana Cintaku Saerah' terbitan 'Radius One', pengarah dia Shahrulezad [Shahrulezad Mohameddin], producer dia Fazli [Fazli Baharom]. Saya buat cerita itu meletup. _ _ _ saya buat photoshoot apa semua tu kan. _ _ _ _ kan. Drama itu yang menaikkan lagi nama saya. Dan bila

NS : **Mak Engku, suara mak engku tenggelam.**

PKF : Tak jelas ke.

NS : **Jelas. Jelas. Tadi masa pertengahan mak engku tadi dia macam *slow*. Boleh mak engku kuatkan suara sikit ataupun dekatkan laptop**

PKF : Dekat kan laptop [mendekatkan laptop]. *Okay. Hello* dengar ke?

NS : **Jelas.**

PKF : Cerita yang menaikkan nama saya adalah '*Kerana Cintaku Saerah*' untuk TV3. Masa itu kita buat samarinda [slot rancangan TV3]. Cerita itu terbitan '*Radius One*'. Pengarah dia Shahrulezad [Shahrulezad Mohameddin], producer dia Fazli [Fazli Baharom]. Cerita tu memang saya _ _ juga. Dan drama saya '*Curi-Curi Cinta*' yang saya tak dapat habiskan sehingga akhir, tiga tahun lepas. '*Curi-Curi Cinta*', adaptasi novel _ _ Dengar tak? Tak Clear [jelas] ke?

NS : **Dengar.**

- PKF : Dia lari-lari saya rasa *line* [sambungan] kot. *Line* agaknya.
- NS : **Mungkin la sebab---**
- PKF : Banyak sangat drama yang Mak Engku suka sebab watak-watak tu berkesan di hati saya.
- NS : **Mungkin ada lagi tak-- artis ataupun mana-mana artis pelakon dalam Malaysia ni yang Mak Engku teringin sangat berlakon dengan dia. Ada tak?**
- PKF : Maksudnya, kebanyakan saya dah banyak saya dah berlakon dengan dia orang [artis]. Banyak artis yang meletup-meletup saya dah berlakon tapi mungkin juga dalam hati saya nak berlakon dengan dia orang tapi belum lagi dapat (berfikir) Ada, ada. Ini pun terlupa dah.
- NS : **Artis yang mana tu? (senyum)**
- PKF : Itulah, kalau tanya dengan saya, saya memang nak berlakon dengan artis yang saya rasa saya memang ingin sangat berlakon dengan dia. Tapi bila awak tanya nama dia jadi hilang dekat kepala. Macam mana (ketawa)
- NS : **Maafkan saya (ketawa). Tak apa puan tak apa.**
- PKF : Jadi hari ini, lusa saya nak berlakon lusa ni dengan Remy Ishak. Remy Ishak jadi cucu saya. Remy dengan Amira Rosli [pelakon wanita Malaysia] saya akan berlakon dengan ramai lah-- ramai artis-artis yang hebat-hebat.
- NS : **Okay, baiklah. So dalam-- sejak masuk dalam bidang ini mesti Mak Engku ada ramai artis-artis yang rapat. Ke semua macam bawa diri masing-masing, haluan masing-masing. Mungkin ada best friend [kawan baik]**

PKF : Tak. Mak Engku macam ini. Saya orang tua, tapi saya bercampur dengan semua generasi. Maksudnya bila saya *shooting* saya tak semestinya berkawan dengan siapa yang sebaya dengan saya. Saya suka dengan budak-budak kru. Saya rapatkan diri dengan *makeup* artis, budak-budak *wardrobe* [almari pakaian]. Bagi saya, mereka lebih percayakan saya. Jadi saya rapat supaya kita senang bekerjasama. Dan baru ni pun saya diundang untuk 'Sepah *Reunion*'. Itupun _ _ _ _ _ sebab _ _ _ _ _ . Dengar tak?

NS **Dengar.**

PKF Selama ini mereka ingat saya ini adalah pelakon yang antogonis sahaja, yang jahat, yang sedih. Dia orang tak tahu yang saya pun boleh komedi. Sebenarnya saya suka cuma jarang dapat tawaran untuk buat macam live. Cuma baru ni je dapat MLM [Maharaja Lawak Mega] saya buat dan yang terbaru kemarin saya buat 'Sepahtu *Reunion*'.

NS : **Okay. Saya ada tengok di IG [Instagram]**

PKF : Saya suka. Saya suka *teater*. Saya suka mencuba semua.

NS : **Mak Engku *okay* ke tu? Nampak tersangkut tadi.**

PKF : *Okay.*

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: CABARAN

NS : Maaf. Tersangkut tadi. Baiklah. Kita ke *section* yang seterusnya berkaitan dengan cabaran. Baiklah. Soalan saya yang pertama. Bagaimanakah puan menyeimbangkan kehidupan berkeluarga. Memandangkan sekarang dah ada anak ada cucu lagi.

PKF : Macam mana?

NS : Boleh dengar? *Okay*. Bagaimana puan menyeimbangkan kehidupan berkeluarga dengan bidang yang Mak Engku ceburi?

PKF : *Okay*. Maksudnya sekarang atau masa muda?

NS : **Sekarang.**

PKF : Sekarang ini Mak Engku macam ini. Saya ini banyak suka duduk di rumah. Saya jarang keluar dengan kawan-kawan, lepak-lepak, mengeteh [minum teh] ke, kopi-kopi, saya jarang. Sebab rumah saya jauh. Dulu Mak Engku memandu. Saya masih lagi memandu tapi sejak saya dah usia macam ini saya tak memandu lagi. Jadi saya susah nak keluar jumpa kawan-kawan. Cuma saya kalau ada program yang tertentu baru saya hadir. Dan saya bersama keluarga lah. Saya lebih suka *spend time* [luangkan masa] saya dengan anak cucu dalam usia yang macam ni bila saya tak bekerja. Maknanya bila saya *shooting* banyak masa saya di set. Di set pengambaran dan jarang dapat jumpa anak cucu. Tapi bila saya ada di rumah, itulah masa saya untuk saya bersama anak cucu. Bagi saya usia saya dah macam ini, dah warga emas, jadi saya kena banyak spend masa untuk anak cucu bila kita

free.

NS : Betul. Saya setuju itu. Baiklah. Bagaimana pula setiap kali Mak Engku terima tawaran, adakah Mak Engku akan tapis dahulu ke atau ada kriteria yang-- watak yang Mak Engku tak nak. Kalau boleh nak elak kan. Ada ke macam itu?

PKF : Ada. Tapi bukan pasal watak. Selalunya saya nak tahu-- sebab tu saya cakap. Saya dapat tawaran kemudian bila *production manager call* saya, saya akan tanya siapa pengarah. Itu penting. Siapa *assistant director* [pembantu pengarah] dia. Dan saya akan tanya juga siapa *casting*. Itu penting. Anak, cucu, suami yang banyak bersama dengan saya. Itu perlu saya tahu. Kemudian saya akan tanya pasal lain-lain la. Pasal *costume* [pakaian] kita, karektor kita.

NS : Okay, baiklah. Andai kata atau mungkin pernah berlaku sebelum ini mungkin ada perselisihan faham semasa dalam *shooting* ke. Macam mana Mak Engku selesaikan masalah itu. Macam mana Mak Engku kendalikan situasi perselisihan faham itu?

PKF : (ketawa) Yang ini berat lah. Ada lah. Bohong la kalau kita kata tak ada. Kita ni sedangkan lidah lagi kan tergigit. Betul tak? Jadi ada lah sikit-sikit perkara bagi kita kadang-kadang bukan kita bergaduh, tak bergaduh tapi kita berbincang. Berbincang yang tidak puas di hati, kita cakap lah. Kita berbincang lah dengan pihak itu. Contohnya dari segi jadual. Ada lah perkara-perkara bagi saya tak nak ambik berat sangat.[bercakap dengan anak seketika] Dengar tak?

NS : Iya, dengar.

PKF : *Okay*.(bercakap dengan anak) Seterusnya.

NS : **Kita ke skop cabaran yang luas sikit. Baiklah baru-baru ini-- kita pun sedang hadapi pandemik *Covid-19*.**

PKF : Betul.

NS : **Dari segi bidang lakonan ataupun bidang puan sendiri, ada tak terkesan sikit masa mula-mula pandemik itu?**

PKF : Sangat. Memang ada terkesan. Bukan saya sahaja, semua pihak rasanya. *Production team*, budak-budak kru. Kita semua terkesan lah. Hampir dua tahun tak boleh nak bekerja sangat. Ada drama-drama kita yang sangkut, terpaksa *hold* dulu, empat bulan, lima bulan. Yang tu *location* [lokasi] kita pun berubah. Tapi saya *respect* bila jadi seperti ini kita mengikuti SOP [*Standard Operating Procedure*]. Maknanya setiap kali kita pengambaraan kita buat *swab test*. Kita kena buat itu. Faham, dengar tak?

NS : **Ya, dengar.**

PKF : Saya pernah *shooting* buat cerita '*Hotel*' tengah malam pukul satu pagi pun saya kena bangun untuk buat *swab test*. Dan kita kena buat-- *Yes*. Setiap berapa hari sekali. Sangat menjaga SOP. Alhamdulillah, team kita pon ikut semua, arahan yang diberikan. Cuma sekarang kita dah start balik semula, berlakon balik. Memang masa mula-mula itu terkesan lah. Tapi kita ada-- persatuan yang membantu kita artis-artis lama, artis-artis veteran, kru. Jadi mereka ni banyak bagi kerjasama. Alhamdulillah. Di antaranya YAVM, PKAVM, Seniman _ _ _ _ _ _ _ _ _ _

NS : **Baiklah.**

PKF : Untuk meringankan beban kita lah kan. *Okay.*

NS : **Saya pun tak sangka macam tu sekali kena swab test [ujian swab]. *Okay*, baiklah. Dalam...**

PKF : Ha, itulah kita ikut.

NS : **Baiklah dalam berpuluh tahun Mak Engku berlakon ni kan. Pernah tak terdetik sikit ataupun banyak rasa macam nak putus asa and macam mana puan *convert* [tukar] benda tu untuk cari balik pembakar semangat tu. Ada ke?**

PKF : Bagi saya lakonan ini jiwa saya. Kalau saya-- saya cakap terus terang, saya dua bulan tiga bulan saya tak ada *job* [kerja] saya dah gelisah. Saya tidak boleh duduk di rumah, baring. Walaupun saya duduk dengan keluarga, anak-anak yang boleh sara hidup saya. Tapi saya tak boleh, sebab saya nak berjumpa kawan-kawa, saya nak jumpa anak-anak yang dalam *production*, termasuk budak-budak praktikel tu, saya tak boleh. Saya akan jadi sakit. Badan saya akan sakit kalau saya tak bekerja. Jadi, bagi saya bila saya berjumpa dengan dia orang ini satu terapi. Saya berjumpa dia orang bergurau senda macam satu *family* [keluarga]. Maksudnya dalam satu *team production* [pasukan penerbitan] kita boleh *shooting* kita ada ayah, kita ada ibu, kakak, abang, adik. Mereka ini macam keluarga kita bila *shooting*. Sekali sama-sama, betul-betul macam keluarga. Kita, *family* kita. Kita boleh ketawa bergurau senda, kita nak makan sama-sama. Betul tak? Jadi saya tak boleh tinggal *shooting* ini. Saya tak pernah kata ada hasrat hati untuk *give up* tak nak berlakon

lagi. Tak, tak mungkin. InsyaAllah selagi saya kuat, selagi saya sihat, saya akan teruskan.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: KREDIBILITI SEBAGAI SEORANG PENGGIAT SENI

NS : Alhamdulillah tersentuh saya dengar. *Okay* (ketawa), kita ke *section* [bahagian] yang ke tujuh iaitu berkaitan dengan kredibiliti atau maksud dia macam kebolehpercayaan lah. Saya rasa isu ini agak hangat sekarang ni memandangkan internet, social media sekarang ni makin berleluasa. *So*, kalau ada buat salah sikit dah mudah tersebar. Susah dah nak betulkan balik. Baiklah. Jadi, soalan saya yang pertama berkaitan dengan kriteria puan, kriteria Mak Engku yang menjadi minat utama macam pengarah ke penerbit ke nak tarik Mak Engku berlakon. Macam kenapa Mak Ku, apa yang dalam Mak Engku ini, kenapa bukan orang lain. Macam itu. Ada ke?

PKF : (ketawa) Susah nya nak cakap tu kan. Saya tak tahu tapi ini saya dengar daripada mulut individu itu sendiri. Bila itu lah satu pengarah tanya kadang-kadang dia orang akan letak nama. Bukan satu nama ya. Jadi, mungkin lima yang sebaya dengan saya. Lima rakan artis. Dalam pada itu, pihak *TV station* [stesen televisyen] sendiri telah pilih siapa artis untuk drama tu. Bukan seorang bagus seorang tidak bagus. Tidak. Tapi, pemilihan watak itu penting. Jadi, selalunya pihak, tv station akan pilih. Contoh dia nak si fulan, produser kena ambil orang itu lah. Kalau kata nama Mak Engku naik, Mak Engku punya rezeki lah. Mungkin dia

nampak watak itu adalah saya. Bukan orang kedua, orang ketiga tak bagus, orang keempat tak bagus, tidak. Tapi mungkin pemilihan watak itu tepat untuk saya. Kebarangkalian tu kan. Dan satu lagi, kadang-kadang (berfikir) untuk filem atau drama, selalu dia orang ada meeting-- untuk pemilihan watak tu. Jadi kalau ada nama orang itu juga naik, contohnya filem la. Kalau sudah tiga empat kali nama saya juga naik, saya lah yang terpilih. Itu rezeki saya lah. Bagi saya pula kalau rasanya-- umpamanya saya tak boleh nak ambik. Sebab kita tahu sekarang banyak apa ni *production* yang tengah *role* ya. Saya tahu kita ada banyak. Kita ada macam-macam *production* kita ada TV, kita ada astro, kita ada TV3, RTM kan. Jadi, terlalu banyak. Kadang dapat tawaran saya terpaksa tolak dengan cara baik. Contoh dalam keadaan sekarang ini untuk November, Disember dan Januari ini memang banyak kita *role* [berwatak]. Tak kita nafikan, jadi kekurangan artis. Jadi, saya rasa saya tak mampu nak ambik rasanya. Saya sedang sudah tandatangan dengan satu pihak. Kemudian, satu pihak lock [kunci] saya lama sudah daripada September. Jadi saya fikir yang mana sesuai. *First come, first serve* [siapa cepat dia dapat] lah. Jadi, yang datang-datang kemudian itu, memang banyak saya dapat tawaran untuk Disember. Tapi, saya terpaksa tolak dengan cara baik.

NS : **Mak Engku, Mak Engku tersangkut.**

PKF : Tersangkut lagi?

NS : **Sekejap tadi sahaja.**

PKF : *Okay.*

NS : ***Okay, dah okay balik***

- PKF : Bagi saya itulah. Macam saya cakap tadi kita kadang-kadang kita tak boleh nak ambil semua *job* [kerja]. Kita tak boleh tamak. Jadi yang mana kita rasa selesa-- maklumlah 1 bulan kita cuma ada 30 hari. Betul? Jadi dalam 30 hari 1 bulan itu macam mana kita nak kerja dengan banyak *production*. Lebih-lebih lagi episod. Kita kena pilih yang mana kita rasa kita boleh buat, kita buat. Selebih itu tak boleh mungkin rezeki kawan-kawan kita, yang lain. Ada yang tak ada *job* [kerja] kan.
- NS : **Baiklah. Seterusnya, pada pendapat Mak Engku, kenapa pentingnya kita kena kekalkan kualiti lakonan kita ini. Sebab kalau kita tengok ada artis yang bila tengok cara dia berlakon netizen akan kata macam kayulah, tak syok [seronok] dia macam tak menghayati watak. So, pada pendapat Mak Engku macam mana nak kekalkan nilai itu nilai lakonan kita. Silakan.**
- PKF : Soalan awak pun sangkut-sangkut. Ada yang Mak Engku tak *clear* [jelas].
- NS : **Mak Engku boleh dengar ke?**
- PKF : Sekarang dengar tadi yang soalan tadi tersangkut-sangkut.
- NS : **Allahuakbar. Baiklah sudah dengar?**
- PKF : Semulakan soalan tadi
- NS : **Okay, saya bacakan soalan sekali tadi.**
- PKF : Sekarang *clear*.
- NS : **Kenapa penting... (jeda)**
- PKF : Hilang. *Okay* teruskan.
- NS ; **Mengapa...**
- PKF : Mengapa apa?

NS : **Mengapa pentingnya kita kekalkan nilai lakonan yang bermutu tinggi.**

PKF : Memanglah penting---

NS : **Jelas ke?**

PKF : Memanglah penting kan. Sekarang ini lakonan tak ada kualiti macam mana drama kita nak dapat kemajuan. Sekarang penonton ada banyak pilihan. Kalau dah drama kita tak boleh nak naik kemungkinan dia orang [penonton] akan tukar channel [saluran] untuk tengok yang lain kan. Jadi bagi saya perlu. Bagi artis-artis baru-- dengar tak? Dengar?

NS : **Dengar.**

PKF : Bagi artis-artis baru, ini nasihat saya lah. Perlu masuk kelas lakonan. Dalam negara kita ini banyak sangat kelas-kelas lakonan oleh artis-artis veteran. Jadi dia orang [artis baru] ini kena ambil kelas lakonan. Kena ambil asas itu, basic itu penting sangat (tegas). Sekarang zaman-zaman netizen. Dia orang boleh judge [menilai orang] kita macam-macam. Macam pelakon ni macam kayu apa tu. Jadi sebenarnya nak salahkan pelakon itu tak boleh juga sebab mereka dipilih. Dipilih oleh TV stesen. Kadang kita tak tahu macam sekarang *instafamous*. Famous [popular] dekat insta [*Instagram*] kan. Tapi kena tahu lah juga, masuk kelas. Kita artis-artis lama bukan cemburu tapi kena ada kelas lakonan untuk memantapkan lagi lakonan dia orang. Barulah boleh naik barulah drama kita boleh maju. Satu lagi, macam sekarang ini apa nama itu-- ini saya cakap saya tak sentuh pasal-- saya tak ada *follower* [pengikut] yang juta-juta. Ratusan ribu pun tak ada. Jadi kita tahu sekarang ini semua *follower* nak juta-juta kan. Jadi itu pilihan TV stesen. Jadi kita

tak boleh buat. Macam kami-kami [artis veteran] ini mengharapkan daripada *production* yang panggil, pilih kita atas dasar mungkin pengalaman ataupun nama dalam bidang ini. Jadi untuk dapat *follower* juta-juta kami memang tidak ada. Jauh sekali. Itu sahaja. Kita bergantung kepada (serentak)

NS : Berkaitan dengan minat, penonton--- ya, puan.

PKF : Macam mana?

NS : Tak ada. Saya nak tahu...

PKF : Tak, saya tak dengar.

NS : Mak Engku tadi kata tak ramai *followers* [pengikut] kan. Tapi mesti Mak Engku ada cara tersendiri nak kekalkan hubungan dengan peminat dengan penonton. Mak Engku ada cara tersendiri ke?

PKF : Bagi saya macam ini. Saya tak pernah masukkan benda-benda yang negatif dalam saya punya IG [*Instagram*] mahupun *Facebook*. Walaupun *Facebook* saya sudah banyak kali kena *hack* [godam], saya buka *account* baru. IG pun pernah kena *hack*. Itu saya ada merajuk. Saya pernah merajuk dah tak nak buka IG lagi. Tapi anak saya pujuk dia kata “Mama kena buka sebab mama dalam bidang ini”. *I* kena *promote* drama-drama saya, *promote* filem saya. Betul tak. Jadi saya pun buka. Makna baru buka lah. Jadi kita memang sikit lah. Saya satu-- apa tadi tanya pasal apa. Kenapa perlu kekalkan-- apa tadi awak tanya. Ada tadi awak tanya. Apa tadi yang awak tanya yang *latest* [terkini] itu.

NS : Cara kekalkan hubungan dengan peminat.

PKF : *Okay*. Begini, Mak Engku selalu memang dari dulu saya akan letak benda-benda

positif. Saya tak suka cerita-cerita mengata dalam IG dalam *Facebook*. Orang itu tak betul, orang ini tak betul, orang ini salah, kita sahaja yang betul. Saya tak suka. Bagi saya, saya cerita pasal drama saya bila akan dikeluarkan untuk saya buat promosi. Saya akan ceritakan pasal-- kebanyakan keluarga, tunjuk anak-anak cucu saya punya telatah dan saya sentiasa menjawab komen-komen netizen ataupun peminat saya. Tidak pernah saya tak jawab kecuali, kalau saya sedang *shooting* sedang ada pengambaran saya tak buka *handphone* dan bila saya dah free saya buka balik, saya tengok dan saya akan jawab. Tak pernah saya tak jawab. Saya akan jawab, saya akan *like*. Itu saya merapatkan hubungan saya dengan peminat dan netizen. Jadi saya cakap terus terang dengan awak. Sepanjang umur saya yang hampir tujuh puluh tahun. Tidak ada pernah satu orang yang mengata saya dalam *Facebook* atau IG. Semua yang komen yang baik-baik (tegas). Yang mendoakan Mak Engku yang mendoakan keluarga saya. Belum pernah ada. Awak boleh cek saya punya IG. Selalunya yang beri semangat, puji-pujian. Ada juga yang cakap "Mak Engku bagus sangat, tak pernah tak jawab mesej". Memang saya akan jawab. Walaupun siapa mereka itu saya akan tetap jawab terima kasih, aaminn, alhamdulillah. Saya tak pernah mengata orang dalam IG atau *Facebook*. Itu saya daripada dulu lagi.

AS : Alhamdulillah, lega saya dengar. Sebab artis sekarang ini pun memang ramai yang jenis kalau ada isu yang berkaitan artis lain, dia nak juga bagi pendapat dia nak juga komen. Benda itu yang biasanya yang buat orang kecam buat orang macam tak terima pendapat. Tapi saya rasa cara puan cara Mak

Engku terbaiklah memang patut dicontohi. Seterusnya...

PKF : Dia macam ini lah senang cakap. Kita jangan cepat melatah bila kita-- contoh, saya tak pernah kena kutuk pun. *So far* [setakat ini], doakan saya yang terbaik. Ini untuk orang lain lah. Kalau kena kutuk kena apa kita jangan cepat melatah. Senang cakap kita jangan layan. Kalau kita bergaduh dengan netizen kita tak dapat apa-apa pun malahan-- mereka ini kuat mereka ramai. So biarkan sahaja. Abaikan, jika tak suka, *delete* [buang dari senarai pengikut]. Betul tak? Ataupun *remove* [alih]. Habis cerita tak payah panjangkan benda ini. Industri kita ini bukan besar mana pun. Kadang bergaduh-gaduh, pusing-pusing, jumpa balik. Kita jumpa orang yang sama betul tak. Jadi kalau ada apa-apa perselisihan faham pun lupakan. Kalau dengan netizen jangan jadi musuh, jangan bergaduh. Tak suka, *delete*.

NS : ***Okay*, baiklah. Memandangkan sekarang ini Mak Engku dalam kategori veteran. Pernah tak atau mungkin ada perancangan untuk bersara dalam bidang lakonan.**

PKF : Tak. Kalau bersara pun kalau Allah panggil kita baliklah [kembali ke rahmatullah]. Nak cakap besar pun tak boleh. Dalam usia kita ini macam inilah. Selagi ada industri yang sudi panggil saya untuk berkarier dengan mereka, percaya dengan saya, kepercayaan kepada saya untuk memegang watak-watak yang tertentu, selagi mereka nak saya akan bersedia. Saya tak akan-- tak ada pencen lah bagi Mak Engku. InshaAllah tak ada (ketawa)

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENDAPAT / PANDANGAN / NASIHAT

NS : *Okay. InshaAllah* semoga Mak Engku boleh teruskan lagi dalam bidang ini. Baiklah, saya rasa boleh sudah kita masuk ke slot yang terakhir. Saya nak dengar sikit pendapat dan nasihat daripada Mak Ku. Saya nak nasihat yang pertama iaitu nasihat kepada anak muda yang menceburi dalam bidang ini untuk dia orang. Kalau boleh nasihat untuk dia orang kekal dalam bidang ini. Tak nak on off macam itu sebab saya perasan baru-baru ini dalam awal tahun 2021 ini ada *selection* untuk artis. Sebab saya perasan ada *instafamous* yang saya *follow* dah start berlakon. Mungkin Mak Engku ada nasihat untuk orang-orang yang macam ini. Silakan.

PKF : Macam inilah nasihat saya kepada anak-anak muda. Kalau betul-betul mereka berminat, berbakat. Teruskan dan kalau boleh ambiklah kelas lakonan. Bukan untuk siapa-siapa tapi untuk diri mereka sendiri untuk lebih bagus untuk lebih mantap dalam lakonan. Jangan segan sebab kita ada banyak pengajar dalam Malaysia. Kita ada artis-artis contohnya, Fauziah Nawawi [pelakon dan pengarah artistik]. Kita ada Que Haidar [pelakon dan penyanyi], kita ada Ogy Ahmad Daud [Pelakon bertaraf primadona negara]. Ada ramai lagi, Dato' Ahmad Tarmimi Siregar [pelakon, pengacara dan pengarah veteran]. Mereka sedia mengajar. Dia orang boleh pergi mengajar dengan artis-artis lain. Satu lagi, kadang nak masuk dalam bidang ini untuk berseronok, suka-suka, untuk mengejar glamour

[kemahsyuran], populariti lupakan. Lebih baik cari kerja lain. Ini nasihat saya. Kalau betul-betul mereka ini berminat memang ada bakat, ambiklah kelas lakonan supaya tidak menyusahkan orang lain dekat set. Ini nasihat Mak supaya mereka ini tak menyusahkan teknikal, pengarah. Penat ya penat. Jangan sayang, kita kalau boleh nak menuntut ilmu ini biar sampai tua biar beruban habis dekat kepala pun tidak apa. Pergi belajar kalau betul-betul minat lah. Kalau niat nak *glamour* (terkenal) memang tak akan boleh berjaya. Lupakan. Kalau betul-betul nak macam tadi lah saya cakap.

NS : Okay, baiklah. Pandangan Mak Engku lah kan. Adakah ada beza industri lakonan sekarang dengan industri lakonan yang dahulu memandangkan sekarang lagi terbuka untuk ambil artis *just* (hanya) ambil daripada orang yang *famous* (terkenal) sudah boleh jadi artis.

PKF : Jauh beza. Banyak bezanya. Dulu lain. Dulu semua berpengalaman dan kerjasama kuatlah dan bersedia sebelum masuk set. Sekarang tak. Artis tak nak bawak skrip. Ada yang tak tahu pun kena bawa watak menangis. Saya pernah bekerja dengan satu artis. Dia tak tahu dia kena menangis. Ini bermakna dia tak baca skrip. “Ada nangis ke” kata dia. Artis sekarang pun berani. Baru ni kawan saya juga, sahabat saya bagitahu, dia orang berani marah *production*. Berani budak-budak pelakon baru sekarang. Kita dulu tak. Kita ikut walaupun *protime* (waktu di dalam set) saya enam, empat pagi untuk menoreh getah, tiga pagi untuk mengejar matahari sebelum naik, kita kena pergi sebab kita kerja. Bila kita dah *sign contract* [menandatangani perjanjian], kita dah terima kita kena buatlah. Itu pilihan kita.

Ada juga artis-artis baru yang buang dialog dia. Bukan director buang tapi dia yang minta dibuang. Saya pernah bekerja dengan orang macam ini. Dia kata “Panjang sangat, buang”. Dia tak nak. *You* (awak) rasa? Pun ada, jadi benda macam ini tak elok.

NS : *Okay*, baiklah. Seterusnya ada pendapat Mak Engku bagaimana kita boleh ketengahkan hasil lakonan itu dalam industri tanah air ini. Kita nak pastikan orang nampak benda itu sebab kadang orang tak minat nak tengok TV. Macam mana idea Mak Engku untuk ketengahkan lagi dalam drama filem dan terbitan sekali.

PKF : Berat soalan ini (ketawa). Yang ini kena tanya dengan pengarang, pengarah. Sebagai pelakon dipanggil datang untuk berlakon. Kena tanya yang berkarier, orang yang lebih arif tentang ini untuk soalan ini. Mak Engku tak ada jawapan untuk soalan itu (senyum).

NS : *Okay*, tak apa. Tak apa Mak Ku. Baiklah. Kita ke soalan seterusnya. Apakah cadangan untuk tarik lagi minat orang ramai, kalau boleh tak nak lah orang muda sahaja mesti la nak orang yang seusia dengan Mak Engku ke. Macam mana nak tarik lagi dia orang untuk minat dengan bidang ini.

PKF : *Okay*. Dia kadang-kadang bergantung kepada waktu. Waktu tayangan. Kita tahu *time-time* (waktu) macam mana suri rumah suka tengok, penonton-penonton yang bekerja. Macam contohnya, slot-slot yang petang susahlah kita nak tarik orang-orang muda untuk tengok. Mereka bekerja, bila balik sampai rumah, keadaan jalan raya yang jemmed (sesak). *So*, lambatlah. Nak tengok dah terlepas. Untuk

watak-watak, drama-drama yang selalu, yang banyak adalah yang berusia macam saya. Mereka suri rumah sepenuh masa jadi mereka boleh mengadap TV dua puluh empat jam. Yang bekerja ini payah sikit.

NS : ***Okay, baiklah. Saya setuju kita kena ikut waktu yang betul. Sebab kadang-kadang saya yang orang muda tak tengok sangat drama pukul tujuh sebab time itulah saya banyak hal biasanya lah kalau duduk dekat universiti. Seterusnya...***

PKF : Tapi kalau drama tu meletup mereka akan tengok dekat *YouTube*. Kalau drama tu meletup dia orang suka dia orang dah suka, mereka akan tengok dekat *YouTube* juga. Sebab saya pernah *shooting* drama, drama yang agak *trending* (sedang popular). Masa itu drama main di Malaysia. Lepas itu saya pergi buat pengembaraan lain di London di kota London sana saya *shooting* untuk drama lain dan di Manchangster. Saya dipanggil oleh *student-student* dekat sana. Dia orang tengok melalui *YouTube*. Lepas itu dia orang panggil saya, nama watak saya 'Mak Biah'. Cari lah siapa yang panggil, *student* di London. Maknanya mereka *follow* [mengikuti] bila cerita itu bagus, dia orang akan tengok dekat *YouTube*. Sampai dekat London sana dia orang tengok. Saya pun terkejut macam mana dia orang boleh tengok cerita itu.

NS : ***Okay. Bagusnya. Baru tahu yang drama melayu, filem melayu pun boleh famous dekat luar negara. Pencapaian yang bagus.***

PKF : Mak Engku pun terkejut. Mak Engku ingat orang putih mana yang panggil Mak Ku. Macam mana dia orang kenal aku Mak Biah. Watak saya Mak Biah. Dia

panggil saya Mak Biah, Mak Biah. Orang putih ke panggil saya. Tengok-tengok student kita dekat sana. Dia tanya saya mana Hassan. Hassan tu anak saya lah Fezrul Rohan dalam cerita itu. Saya kata “Tengok ke cerita itu?”. Nama dia cerita ‘Balqish’ arahan Haikal Hanafi [pengarah filem dan drama]. Dia kata “Kita orang tengok dekat *YouTube*”. Bukan semestinya penonton di Malaysia, sampai ke London ke mana pun orang tengok kalau bagus. InshaAllah.

NS : Macam mana pula dengan perancangan Mak Engku sendiri untuk masa depan. Ada lagi tak yang Mak Engku nak lagi buat, nak lagi capai dalam bidang lakonan ini.

PKF : Memang lah nak. Kalau boleh nak naik pentas nak pegang anugerah (ketawa).

NS : InshaAllah, saya doakan.

PKF : Itu satu. Nak bekerja dengan artis-artis yang sangat popular. Banyak saya *shooting* dengan artis-artis popular tapi nak yang lagi popular (ketawa).

NS : Baiklah. InshaAllah ada nanti.

PKF : Dua-dua ini saya akan *shooting* dengan dia orang. Zul Ariffin [pelakon dan model Malaysia] pelakon popular kan. Sudah pernah berlakon dengan saya. Remy [Remy Ishak] akan jadi cucu, dah selalu juga dia orang jadi anak-anak cucu. Alhamdulillah. Tak tahu kalau ada banyak lagi yang popular dalam Malaysia ini.

NS : InshaAllah akan ada rezeki Mak Engku nanti. Baiklah. Saya kira ini soalan yang terakhir. Apakah tanggapan Mak Engku mengenai industri seni ini pada masa akan datang. Mungkin Mak Engku boleh bayangkan macam mana keadaan industri ini mungkin lima tahun atau sepuluh tahun akan

datang.

PKF : Nak bayangkan ya. Bayangkan itu tak berani cakap. Tapi saya mendoakan agar industri kreatif kita ini lebih maju, lebih dikenali hingga ke negara-negara luar. Mudah-mudahan dia antara pelakon-pelakon veteran kita yang ada ini dapat tawaran ke luar negara mungkin. Kita tak tahu rezeki, Bollywood--

NS : **InshaAllah.**

PKF : Bollywood. Kita tak tahu. Mudah-mudahan. Memang itu cita-cita kita semua. Dan kalau boleh industri kita ini akan lebih dikenali di mana-mana negara. Kemudian, biar kita semua ada *job* akan datang 2023, 2024 mudah-mudahan. Kita teruskan sebab kita sudah dua tahun cuti tidak boleh kerja kan. Saya harap semuanya berjaya. Allah permudahkan rezeki kita semua. InshaAllah.

NS : **InshaAllah. Terima kasih Mak Engu. Saya tutup dulu ya.**

PKF : Baik. Sampaikan salam saya pada semua. Pada pensyarah awak juga yang memilih saya. Terima kasih.

NS : **Kita buat sesi bergambar ya. Sekejap (jeda). Saya baca ayat penutup dulu ya.**

PKF: Nanti lepas ambil gambar *you* [awak] *send* [hantar] dekat Mak Engku ya.

NS : **Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman kerjaya, bersama Puan Ku Fridah Binti Ku Shafie. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada**

perkembangan ilmu dalam bidang seni lakonan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

PKF : Sama-sama

TAMAT BAHAGIAN 5

RUJUKAN

- Adam Salleh (2021, Sept 29). Syarat sejuta pengikut usah sampai melingkup. *Malaysia Kini*.
<https://www.malaysiakini.com/hiburan/593234>
- Ayunda, S. N. P. (2021). *Penerapan prinsip-prinsip produser dalam film fiksi" Petan"*=
Application of producer principles in the fiction film" Petan" (Doctoral dissertation,
Universitas Pelita Harapan). <http://repository.uph.edu/id/eprint/39392>
- Bonamigo, A., da Silva, A.A., da Silva, B.P. and Werner, S.M. (2022), "Criteria for selecting
actors for the value co-creation in startups", *Journal of Business & Industrial Marketing*,
Vol. ahead-of-print No. ahead-of-print. [https://doi-](https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/JBIM-02-2021-0083)
[org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/JBIM-02-2021-0083](https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/JBIM-02-2021-0083)
- Buzzera (2015, Januari 15) *Pelakon cilik Putri Luvvna (Love) warisi bakat seni Engku
Faridah*. [https://buzzera.blogspot.com/2015/01/pelakon-cilik-putri-luvvna-love-](https://buzzera.blogspot.com/2015/01/pelakon-cilik-putri-luvvna-love-warisi.html)
[warisi.html](https://buzzera.blogspot.com/2015/01/pelakon-cilik-putri-luvvna-love-warisi.html)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Veteran. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved
January 21, 2022
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=veteran&d=102572&#LIHATSINI>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Antagonis. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved
January 21, 2022 <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=antagonis>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Casting. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved
January 21, 2022
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=casting+drama&d=226112&#LIHATSINI>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Pengarah. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved
January 21, 2022 <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pengarah>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Filem. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved
January 21, 2022 <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=filem>.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Komedi. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved January 21, 2022 <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=komedi>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Novel. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved January 21, 2022. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=novel>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Produser. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved January 21, 2022. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=produser>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). . In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved January 21, 2022. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=skrip>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Shooting. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved January 21, 2022. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=shooting>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Seniman. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved January 21, 2022. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seniman>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Pop. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved January 21, 2022. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pop&d=102572&#LIHATSINI>.
- Mohd Al Qayum Azizi. (2019, March 20). *Pelakon Drama Mak Engku Dimasukkan Ke ICU*. *MStar*. https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2019/03/20/mak-engku?itm_source=parsely-api.
- Najiy Jefri. (2018, April 11). *'Jiwa Bersepai, Syarikat Malap Tiada Tawaran'*. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2018/04/329691/jiwa-bersepai-syarikat-malap-tiada-tawaran>.
- Nur Musliha Binti Musa. (2022, February 22). *KPM - Sekolah Seni Malaysia*. KPM - Sekolah Seni Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pendidikan/pendidikan-menengah/sekolah-seni-malaysia>.
- Malaysia Data (n.d.) *Enuja Production Sdn Bhd*. <https://malaysiadata.com/company/okdzey/enuja-production-sdn-bhd>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
00.00	Ucapan pembuka sesi temubual bahagian 1. Ucapan menerangkan nama tokoh, tarikh, masa, lokasi dan nama penemubual.	▪ 16 Disember 2021 ▪ Nurasyura Jasmine Binti Mohd Nasir ▪ Nurain Solehah Binti Zainuddin
01.25	Latar belakang peribadi	▪ Serdang, Kedah ▪ Rawang, Kuala Lumpur ▪ Singapura
03.45	Latar belakang keluarga	▪ Hajah Siti Mariam Binti Mohamad ▪ Ku Shafie Ku Isyhak ▪ Siti Rohaya Mohd Yusoh ▪ Putri Luvvna Wilma Mohd Azam ▪ Sekolah Seni Malaysia, Kuala Lumpur
05.15	Pendidikan tokoh	▪ Tahun 1965-1971 ▪ Sekolah Bukit Panjang ▪ Singapura

BAHAGIAN 2: KERJAYA

09.40	Pekerjaan sebelum menceburi bidang lakonan.	▪ Tahun 80-an
13.10	Penglibatan awal dalam bidang lakonan	▪ Arief Shah ▪ Razali Buyong ▪ Lokman Ghani ▪ Enuja Production
17.26	Menceritakan dengan lebih lanjut bagaimana kerjaya tokoh dalam bidang lakonan	▪ Tahun 1992 ▪ Generasi Yang Hilang ▪ KL Gangster 1 ▪ KL Gangster 2 ▪ Munafik 2 ▪ ASTRO ▪ TV3 ▪ Teduhan Kasih ▪ Jalena Rejab ▪ Jamal Khan ▪ Benjy ▪ Kerana Cintaku Saerah ▪ Radius One ▪ Shahrulrezad Mohameddin ▪ Bahri Umararif Bajuri ▪ Curi-Curi Cinta

		▪ SR One Sdn Bhd & Dear Creative Media ▪ Remy Ishak ▪ Amira Rosli
28.11	Pencapaian	▪ Tahun 2005 ▪ Pembantu Wanita Terbaik Teater
BAHAGIAN 3: CABARAN		
30.25	Cabaran menyeimbangkan kehidupan berkeluarga dengan bidang lakonan.	
33.12	Kesan pandemik Covid-19 kepada bidang lakonan.	
38.20	Cabaran sebelum memulakan pengembaraan lakonan.	▪ Hotel
BAHAGIAN 4: KREDIBILITI		
40.21	Mengekalkan kepercayaan orang ramai terutama pengarah terhadap bakat yang ada	▪ TV3 ▪ RTM ▪ ASTRO
43.31	Mengekalkan nilai lakonan yang bermutu tinggi.	▪ Instagram ▪ Facebook

BAHAGIAN 5: PENDAPAT / PANDANGAN / NASIHAT

45.32	Nasihat tokoh kepada generasi masa kini yang ingin menceburi diri dalam bidang ini.	▪ Fauziah Nawawi ▪ Que Haidar ▪ Ogy Ahmad Daud ▪ Dato' Ahmad Tarmimi Siregar
48.12	Cadangan tokoh untuk menarik minat orang ramai untuk meminati bidang lakonan	▪ YouTube ▪ Manchangster, London ▪ Mak Biah ▪ Balqish ▪ Fezrul Rohan ▪ Haikal Hanafi
51.45	Perancangan dan pandangan tokoh mengenai industri seni pada masa akan datang.	▪ Zul Arifin ▪ Remy Ishak

DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA / PLATFORM	TINDAKAN
2 Okt 2021 Sabtu	1400 – 1500 <i>Telegram</i>	▪ Puan Nor Kamariah Chik menjelaskan tentang tugas sejarah lisan secara umum kepada pelajar kumpulan D1IM2455A. Beliau juga memberi senarai awal tokoh untuk dipilih ▪ Membuat pilihan rakan tugas ▪ Nurain Solehah dan Nurasyura Jasmin bersetuju untuk bekerja dalam satu kumpulan.
2 Nov 2021 Selasa	1400 – 1500 <i>Google Meet</i>	▪ Puan Nor Kamariah Chik menjelaskan tugas sejarah lisan dengan lebih terperinci. Tema yang diberi adalah 'Seni Warisan dan Seniman Veteran' ▪ Kami mula menyenaraikan artis yang ingin dihubungi ▪ Cadangan awal artis veteran adalah Nor Zila Aminuddin, Fauziah Nawi dan Catriona Ross ▪ Kelulusan pensyarah diberikan untuk memilih Catriona Ross
3 Nov 2021 Rabu	1300 – 1400 <i>Whatsapp Call</i>	▪ Kami membahagikan tugas untuk membuat abstrak, kertas kerja, persiapan awal dan soalan temubual ▪ Nurain bersetuju untuk membuat abstrak dan kertas kerja manakala

		Nurasyura membuat persediaan awal dan soalan temubual
5 Nov 2021 Jumaat	1300 Emel	Menghantar emel permohonan mengadakan temubual kepada Puan Catriona Ross
7 Nov 2021 Ahad	13:34 <i>Instagram</i>	Menghantar pesanan permohonan membuat temubual kepada Puan Catriona Ross menerusi ruangan <i>chat</i> di aplikasi <i>Instagram</i>
8 Nov 2021 Isnin	1300 – 1700 <i>Whatsapp</i>	- Membuat keputusan untuk menukar tokoh kerana tiada respond dari Puan Catriona Ross - Menghubungi Puan Fauziah Nawi tetapi tiada jawapan - Menghubungi Puan Azila menerusi nombor telefon pembantu peribadi. Panggilan dijawab tetapi permohonan ditolak atas sebab-sebab tertentu - Meminta kelulusan dari pensyarah untuk memilih Puan Ramlah Ram dan Encik Jamal Abdillah
9 Nov 2021 Selasa	1100 – 1130 <i>Whatsapp</i>	- Menghubungi Puan Ramlah Ram menerusi nombor telefon pembantu peribadi. Panggilan dijawab dan permohonan diterima. - Menghantar maklumat tugasan dan butiran temubual kepada pembantu peribadi Puan Ramlah Ram menerusi <i>Whatsapp</i>.
10 Nov 2021 Rabu	1512 <i>Whatsapp</i>	Pembantu peribadi Puan Ramlah Ram memberitahu bahawa Puan Ramlah Ram agak sibuk dan berkemungkinan

		akan membuat temubual pada 17 Nov 2021
16 Nov 2021 Selasa	1512 <i>Whatsapp</i>	▪ Menghantar kerangka temubual kepada pembantu peribadi Puan Ramlah Ram
17 Nov 2021 Rabu	1130	▪ Menghubungi dan menghantar pesanan <i>Whatsapp</i> temubual kepada pembantu peribadi Puan Ramlah Ram untuk memberi peringatan berkaitan temubual tetapi tiada respon
18 Nov 2021 Khamis	1200	▪ Menghubungi pembantu peribadi Puan Ramlah Ram untuk memberi peringatan lagi ▪ Respon dibalas dengan pesanan <i>Whatsapp</i> menyatakan Puan Ramlah Ram masih sibuk
22 Nov 2021 Isnin	1600 – 1800 <i>Whatsapp</i>	▪ Membuat semakan terakhir abstrak, kertas kerja dan soalan temubual ▪ Menghantar abstrak, kertas kerja dan soalan temubual
30 Nov 2021 Selasa	1330 <i>Whatsapp</i>	▪ Berbincang untuk menukar tokoh kerana masih tidak menerima sebarang kata putus dari Puan Ramlah Ram ▪ Persetujuan dibuat untuk memilih Puan Ku Fridah sebagai tokoh temubual
1 Dis 2021 Rabu	1500 <i>Whatsapp</i>	▪ Membuat panggilan telefon kepada Puan Ku Fridah untuk menyatakan hasrat untuk menjadi tokoh temubual kajian ini. ▪ Menghantar butiran temubual menerusi platform <i>Whatsapp</i>

		▪ Puan Ku Fridah bersetuju untuk melakukan temubual pada 6 Desember 2021
5 Dis 2021 Ahad	1630 <i>Whatsapp</i>	▪ Puan Ku Fridah meminta untuk menangguhkan temubual atas faktor masalah kesihatan ▪ Kedua-dua pihak bersetuju untuk menunda temubual ke minggu seterusnya
12 Dis 2021 Ahad	1000 <i>Whatsapp</i>	▪ Menghantar pesanan <i>Whatsapp</i> kepada Puan Ku Fridah untuk mengingatkan tentang temubual ▪ Puan Ku Fridah meminta untuk ditemubual pada 16 Desember 2021 atas faktor kesibukan bekerja (<i>shooting</i>) ketika itu
16 Dis 2021 Khamis	1430 <i>Google meet</i>	▪ Temubual dijalankan melalui platform <i>Google Meet</i> diantara penemubual, Nurain Solehah, bersama Puan Ku Fridah ▪ Surat persetujuan dihantar kepada Puan Ku Fridah
20 Dis 2021 Isnin	0800	▪ Penulisan transkrip bermula
24 Dis 2021 Jumaat	1000 <i>Whatsapp</i>	▪ Puan Ku Fridah menghantar semula surat perjanjian yang telah ditandatangani
4 Jan 2022 Selasa	1400 <i>Google Meet</i>	▪ Pensyarah menerangkan tentang proses seterusnya dalam menyiapkan transcript dan artikel penuh

12 Jan 2022 Rabu	0900 <i>Google Meet</i>	▪ Konsultasi bersama pensyarah mengenai transcript yang telah dibuat
12 Jan 2022 Rabu	2100 <i>Whatsapp</i>	▪ Membahagi tugas untuk penulisan artikel sesama ahli kumpulan
10 Feb 2022 Khamis	2300 <i>Google Classroom</i>	▪ Penghantaran penulisan artikel, medium dan rakaman dan diari kajian

SENARAI SOALAN

1. Latar Belakang Peribadi

1. Apakah nama penuh puan?
2. Apakah nama panggilan puan dalam kalangan keluarga dan dalam kalangan artis?
3. Bilakah puan dilahirkan?
4. Berapakah usia puan tahun ini?
5. Dimanakah negeri asal kelahiran puan?
6. Dimanakah puan dibesarkan?
7. Dimanakah puan tinggal sekarang?
8. Berapakah bilangan adik beradik puan dan puan anak yang ke berapa?
9. Siapakah nama ibubapa puan?
10. Bilakah puan mula berkeluarga?
11. Siapakah nama suami puan?
12. Berapakah usia suami puan?
13. Adakah puan mempunyai anak?
14. Berapa orang anak-anak puan?
15. Berapakah umur anak puan dan bagaimana dengan kerjaya mereka?
16. Adakah anak-anak puan turut meminati bidang yang diceburi puan? Kalau ada, berapa orangkah yang terlibat?
17. Apakah perkara yang sering dilakukan puan pada waktu lapang?
18. Apakah cita-cita puan sewaktu kecil?
19. Jika tidak menceburi diri dalam bidang ini, apakah pekerjaan yang mungkin dilakukan puan sekarang ini?
20. Dimanakah tempat kegemaran puan?
21. Siapakah idola puan?
22. Apakah moto dan visi hidup puan?

2. Latar belakang pendidikan

1. Apakah nama sekolah rendah puan dan di mana terletaknya sekolah tersebut?
2. Boleh puan ceritakan sedikit mengenai sekolah menengah puan?
3. Apakah kenangan yang mungkin tak dilupakan puan sewaktu belajar?
4. Adakah puan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi? Jika ya, apakah nama institusi itu?
5. Di manakah lokasi institusi tersebut?
6. Apakah kos yang diambil oleh puan sewaktu di institusi tinggi?
7. Adakah puan memilih kos tersebut berdasarkan minat atau ditawarkan?
8. Apakah cabaran puan dalam perjalanan menuntut ilmu?
9. Adakah puan mempunyai penglibatan dalam lakonan sewaktu belajar?
10. Adakah puan pernah memenangi sebarang pertandingan yang disertai sewaktu belajar?

3. Pengalaman pekerjaan

1. Berapakah pekerjaan yang dilakukan puan sebelum menceburi diri dalam bidang kesenian?
2. Jawatan apakah yang diperoleh ketika bekerja?
3. Berapa lamakah puan bekerja dalam bidang lain sebelum menceburi diri dalam bidang kesenian?
4. Adakah ada hal-hal yang berkaitan pekerjaan dahulu yang berkaitan dengan bidang sekarang?

4. Mengenai bidang atau pekerjaan sekarang

a. Ujibakat

1. Sebelum memulakan karier dalam bidang lakonan, adakah puan terlibat dengan sesi ujibakat?
2. Bilakah ujibakat tersebut dilakukan?
3. Dimanakah ujibakat itu berlangsung?

4. Apakah persiapan yang dilakukan sebelum menyertai ujibakat?
5. Bagaimanakah suasana ujibakat pada waktu itu?
6. Siapakah yang mendorong puan untuk menyertai ujibakat ketika itu?
7. Adakah puan terpilih atau memenangi ujibakat itu?
8. Apakah perasan puan sewaktu menyertai ujibakat?

b. Pengalaman dalam lakonan

1. Bilakah puan mula menceburi dalam dalam bidang ini?
2. Bagaimanakah puan boleh terlibat dalam bidang ini?
3. Siapa yang bertanggungjawab membawa diri puan dalam lakonan?
4. Sudah berapa lama puan berada dalam bidang ini?
5. Apakah makna bidang ini kepada puan?
6. Bagaimanakah perasaan puan sewaktu mula-mula dalam bidang ini?
7. Bagaimanakah reaksi orang sekeliling apabila mengetahui puan menceburi dalam bidang ini?
8. Bagaimana puan memotivasikan diri untuk meneruskan bidang ini?
9. Berapakah bayaran yang diterima ketika itu?
10. Adakah puan menerima sebarang latihan sebelum mula berlakon?
11. Apakah jenis latihan yang dilakukan sebelum mula berlakon?
12. Siapakah yang melatih puan untuk berlakon?
13. Berapa buah drama / filem / telefilem yang dilakonkan sepanjang berkarya?
14. Apakah satu drama dan filem yang meninggalkan kesan paling besar dalam hidup?
Mengapa?
15. Bagaimanakah puan menghayati watak yang diberikan?
16. Apakah jenis *genre* drama atau filem yang puan minati?
17. Adakah puan pernah menyertai dalam pementasan teater? Apakah watak yang dipegang oleh puan?
18. Adakah puan menyertai mana-mana pertandingan yang melibatkan kesenian?
19. Adakah puan pernah berhasrat ingin berlakon/bekerjasama dengan artis lain tetapi tidak kesampaian?

20. Mengapa memilih artis tersebut?

21. Siapakah antara rakan artis yang rapat dengan puan?

5. Anugerah, pengiktirafan dan sumbangan

1. Apakah anugerah pertama yang diperolehi puan dalam bidang lakonan?
2. Apakah perasaan puan sewaktu menerima anugerah pertama sepanjang bergelar artis?
3. Apakah anugerah lain yang pernah diperolehi sepanjang menceburi bidang lakonan?
4. Apakah anugerah yang paling bermakna yang telah dicapai?
5. Apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai semasa menceburi bidang ini?
6. Adakah puan pernah bekerjasama dengan agensi selain lakonan untuk mengembangkan karier puan?
7. Apakah pencapaian lain yang ingin dicapai oleh puan?
8. Pernahkah puan menerima pengiktirafan daripada pembesar-pembesar atau sultan?
9. Apakah sumbangan puan dalam industri seni?
10. Apakah sumbangan puan pada masyarakat?

6. Cabaran

1. Bagaimana puan menyeimbangkan kehidupan berkeluarga dengan bidang yang diceburi?
2. Adakah berpindah-pindah kawasan lakonan menjadi kekangan bagi puan?
3. Apakah cabaran dari segi persediaan dalam lakonan?
4. Apakah faktor dalam pemilihan tawaran lakonan yang diberikan?
5. Sekiranya berlaku perselisihan faham, bagaimana puan mengendalikan situasi tersebut?
6. Apakah kesan pandemik terhadap kerjaya lakonan puan?
7. Pada pandangan puan, mengapa ada sesetengah artis tidak mampu bertahan dalam bidang ini dan memilih untuk berhenti?
8. Pernahkah puan merasa putus asa untuk meneruskan kerjaya lakonan?
9. Siapa pembakar semangat utama puan untuk terus kuat dalam menghadapi cabaran?

7. Kredibiliti

1. Apakah kriteria yang terdapat dalam diri puan yang menarik minat pengarah untuk bekerjasama dengan puan?
2. Apakah cara puan mengekalkan kepercayaan pengarah terhadap bakat puan?
3. Pada pendapat puan, mengapa pentingnya untuk kita kekalkan nilai lakonan yang bermutu tinggi?
4. Bagaimana puan mempersembahkan kriteria tersebut?
5. Apa yang puan paling puan tekankan dalam menonjolkan diri di sosial media?
6. Bagaimanakah cara puan menjaga hubungan dengan peminat?
7. Apa atau siapa yang mendorong puan untuk terus bertahan dalam industri?
8. Adakah puan ada menyimpan hasrat untuk bersara?

8. Pendapat / pandangan / nasihat

1. Nasihat puan untuk anak muda yang ingin menceburi bidang ini?
2. Pada pandangan puan, adakah sesiapa sahaja boleh menceburi bidang ini?
3. Apakah persiapan yang diperlukan seseorang untuk menceburi bidang ini?
4. Apakah pandangan puan mengenai industri lakonan sekarang?
5. Adakah terdapat perbezaan ketara dengan industri lakonan terdahulu?
6. Apakah nasihat puan, kepada anak muda yang menceburi diri dalam bidang ini supaya sentiasa memajukan diri?
7. Pada pendapat puan, bagaimana untuk mengetengahkan penghasilan lakonan bermutu tinggi dapat dalam industri tanah air?
8. Apakah cadangan atau langkah-langkah untuk menarik minat orang ramai lebih meminati dan menghargai hasil seni Malaysia?
9. Apakah perancangan puan pada masa hadapan dalam industri ini?
10. Apakah tanggapan puan mengenai industri seni pada masa akan datang?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Ku Fridah Ku Shafie
K/P: dengan ini 16 Dember 2021

bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Nama peserta kajian: Ku Fridah Ku Shafie
Tarikh: 27 Desember 2021

Pensyarah: Nor kamariah Bt Chik
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA.


GAMBAR



Rajah 1: Sesi Temubual Bersama Puan Ku Fridah di platform *Google Meet*



Rajah 2 : Lakonan Puan Ku Fridah dalam filem 'KL Gangster' (2011)



Rajah 3 : Puan Ku Fridah sebagai salah seorang pelakon drama 'Kerana Cintaku Saerah' (2007)

INDEKS

A	Luvvna Wilma..... 18
Anugerah Skrin 18	M
Anugerah Sri Angkasa 18	menari 21
Astro..... 19, 22	N
B	netizen 35, 37, 39, 40
box office 19	P
C	pandemik..... 31, 65
cabaran 13, 15, 29, 31, 62, 64, 65	pengarah..... 20, 21, 23, 25, 30, 33, 34, 41, 43, 65
casting 22, 24, 30	penggiat seni 33
E	Perak 16
Enuja 18, 23	Pop Yeh Yeh 21
F	popular 37, 45
<i>follower</i> 37, 38	<i>production</i> 24, 30, 32, 34, 35, 37, 42
G	promote 38
genre..... 24	S
J	<i>seni hiburan</i> 6, 15
<i>job</i> 32, 35, 46	<i>shooting</i> 22, 24, 27, 29, 30, 31, 33, 39, 44, 45, 59
K	Singapura 16, 20, 21
karakter 24	T
Kedah 11, 16, 17	teater..... 23, 28, 63
keturunan..... 17	<i>TikTok</i> 25
KL Gangster..... 19	TV3 18, 19, 34
kredibiliti..... 33	TV station 34
Kuala Lumpur 11, 16, 18, 20	U
L	ujibakat..... 22, 62, 63
<i>lakonan</i> 6, 11, 13, 15, 19, 21, 22, 31, 32, 35, 36, 37, 40, 41, 42, 43, 45, 47, 62, 63, 64, 65, 66	V
London 44, 45	<i>veteran</i> 6, 13, 32, 37, 40, 41, 46, 56